

## Perkhidmatan Yang Disediakan

### Prostesis Yang di Tempah Khas

- Prostesis transtibial (bawah lutut)
- Prostesis transfemoral (atas lutut)
- Prostesis hybrid (gabungan)
- Penyelenggaraan atau pembaikan bahagian prostesis tahunan
- Pengantian soket disebabkan perubahan kudung atau kerosakan pada soket

### Ortosis Yang di Tempah khas

- Ortosis kaki (seperti pelapik kaki, alat penyokong lengkuk tapak kaki, palang/dome tulang metatarsal, alat menaikkan tumit dan sebagainya)
- Ortosis bukulali – kaki (AFO)
- Ortosis lutut
- Ortosis lutut- bukulali – kaki (KAFO)

### Ortosis Kepala dan Tulang Belakang yang Sedia Ada

#### Ortosis Kepala dan Leher

- Topi keledar
- Kolar servikal keras dan lembut
- Kolar servikal Miami J
- Kolar servikal Philadelphia

#### Ortosis Tulang Belakang

- Pendakap ortosis Thoraco-Lumbar-Sacral (TLSO)
- Korset lumbosakral

### Ortosis Anggota Badan Bahagian Atas Yang Sedia Ada

- Pendakap keretakkan tulang humeral
- Pendakap siku selepas pembedahan
- Alat penyokong lengan dan siku
- Alat penyokong tennis elbow

### Ortosis Anggota Badan Bahagian Bawah

- Pendakap menyokong lutut
- Ortosis Leaf spring
- Pendakap dan penyokong bukulali
- Pendakap foot drop
- But Dennis Brown untuk club foot
- Ortosis kaki (seperti pelapik kaki Formthotics, gel untuk tumit, alat menaikkan tumit)

Imbas kod QR di bawah untuk mengetahui lebih lanjut tentang Unit Prostetik dan Ortotik.



## HUBUNGI KAMI

#### Waktu bekerja

Isnin hingga Khamis	8 pagi - 5 petang
Jumaat	8 pagi - 12 tengahari 2 petang - 5 petang

Unit Prostetik dan Ortotik menyediakan perkhidmatan untuk pesakit wad dan pesakit luar. Sila berbincang dengan doktor awda untuk membuat rujukan kepada pihak kami atau boleh hubungi ke unit kami secara langsung.

Untuk sebarang pertanyaan sila hubungi kami

Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC)  
Jerudong, BG3122, Brunei Darussalam


T +673 2613333 (ext. 1598) / +673 8751837

E pou.reception@pjscbrunei.com

[www.pjscbrunei.com](http://www.pjscbrunei.com)



UNIT  
PROSTETIK & ORTOTIK



## Pengenalan

Unit Prostetik dan Ortotik (P&O) adalah fasiliti terkini di Pusat Pakar Pantai Jerudong. Unit P&O menyediakan alat perubatan peranti buatan yang ditempah khas dan juga yang sedia-ada, khusus untuk sokongan badan serta prostesis anggota (seperti prostesis paras atas/bawah lutut) atau alat-alat ortosis (seperti alat pendakap, pelapik kasut, kasut khas, topi keledar dan sebagainya). Pegawai Prostetik dan Ortotik Bertauliah (CPO) serta juruteknik unit ini bersedia untuk membantu pesakit dalam mengalakkan dan/atau menyelaraskan fungsi pergerakkan pesakit dalam menjalani kehidupan sehari-hari mereka menggunakan alat-alat prostetik dan ortotik.

CPO adalah sebahagian daripada pasukan rehabilitasi di Pusat Pakar Pantai Jerudong yang bekerja di samping doktor, jururawat dan profesional kesihatan bersekutu lain untuk membantu pesakit mencapai matlamat fungsi dan kualiti hidup mereka. Contoh kondisi yang menerima perkhidmatan CPO termasuk *Cerebral Palsy*, amputasi anggota badan, strok serta kecederaan saraf tunjang. Unit ini adalah sebahagian daripada Pusat Neurosains Strok dan Rehabilitasi Brunei Darussalam (BNSRC) di Pusat Pakar Pantai Jerudong.



## Apa itu Prostetik?

Prostetik adalah alat peranti buatan yang dipasang pada badan untuk mengganti kaki atau tangan yang tiada. Ia juga bermaksud untuk membantu pesakit perbaiki fungsi pergerakkan kaki atau tangan selepas amputasi.




## Siapakah pengguna-pengguna Prostetik?



Pesakit-pesakit yang menjalani amputasi akibat dari kecederaan atau disebabkan oleh kondisi seperti diabetes, gangguan saraf dan otot (*neuromuscular*), jangkitan, kanser dan lain-lain. Pesakit belia yang mengalami gangguan pembentukan badan dari lahir juga boleh manfaat dari penggunaan prostesis.

## Apakah faedah menggunakan Prostetik?

Prostetik membantu pesakit mengelakkan kesihatan fizikal mereka dengan memberi mereka keupayaan untuk meneruskan aktiviti dan mengembalikan pergerakan kaki atau tangan mereka pada maksimal. Oleh itu, prostetik boleh membantu pesakit menjadi lebih berdikari selepas menjalani amputasi. Selain itu, prostetik juga boleh menyumbang kepada kesejahteraan psikologi dan emosi pengguna.



## Apa itu Ortotik?

Ortotik adalah alat peranti luaran, (seperti pendakap, pelapik kasut, kasut khas dan topi keledar), dipasang pada bahagian badan di mana fungsinya mungkin telah terjejas, untuk membetulkan, menyelaraskan, menampung kecacatan fizikal, melindungi struktur sedia ada, memudahkan pergerakan asas atau membantu pesakit dalam menstabilkan kedudukan struktur badan. Alat peranti ini boleh dipasang siap atau ditempah secara khas, bergantung kepada keperluan pesakit.

## Siapakah pengguna-pengguna Ortotik?

Pesakit mengalami kecacatan keselarasan anggota atau kecacatan anggota badan yang disebabkan oleh gangguan neuromuscular [seperti, *Congenital Talipes Equinovarus* (CTEV), *Cerebral Palsy* (CP), *Spina Bifida* (SB)], gangguan otot dan rangka (*musculoskeletal*) [seperti, *Hallux Valgus*, *Symptomatic Pes Planus* (kaki pronated)] atau akibat kondisi seperti diabetes dan trauma dari kecederaan kaki.

## Apakah faedah menggunakan Ortotik?

Ortotik boleh memberi pembetulan penuh atau sebahagian kepada mereka yang mengalami ketidaksesaran badan. Ortotik juga boleh mencegah kemerosotan ketidaksesaran anggota badan dan menghindari kecacatan dan/atau mencegah kakauan (*contracture*) jika ada. Ortotik juga boleh melegakan kesakitan dan tekanan pada kawasan anggota badan yang sensitif atau mengalami redangan. Dengan ini, ortotik juga boleh melindungi kulit dikawasan yang dirawat, meningkatkan fungsi, keseimbangan serta mobiliti pesakit serta meningkatkan keyakinan dan menggalakkan pesakit untuk berdikari.

